



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SELASA, 8 OGOS 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	KPWKM AKAN TELITI KEPERLUAN MANGSA KENDERAAN DIHEMPAP POKOK	
	https://www.sinarharian.com.my/article/272461/berita/nasional/kpwkm-akan-teliti-keperluan-mangsa-kenderaan-dihempap-pokok	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/996641/kebajikan-dua-beradik-yatim-piatu-dibela	HMETRO.COM.MY
	https://bernama.com/en/general/news.php?id=2214029	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	QUICKCHECK: IS JKM OFFERING A NEW RM3,000 CASH AID SCHEME?	
	https://www.thestar.com.my/news/true-or-not/2023/08/07/quickcheck-is-jkm-offering-a-new-rm3000-cash-aid-scheme	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	REVIEW OF E-KASIH LIST NEEDED TO REMOVE NON-DESERVING RECIPIENTS, SAYS NANCY	
	https://www.theborneopost.com/2023/08/07/review-of-e-kasih-list-needed-to-remove-non-deserving-recipients-says-nancy/	THEBORNEOPOST.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
4	BENEFITS FROM BELANJAWAN 2023: NO WOMAN LEFT BEHIND	
	https://www.thesundaily.my/spotlight/benefits-from-belanjawan-2023-no-woman-left-behind-KA11334068	THESUNDAILY.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

8/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	WANITA BANGKIT: OVER RM2 MLN TO HELP WOMEN BREAK FREE FROM POVERTY, SAYS MINISTER	
	https://www.theborneopost.com/2023/08/07/wanita-bangkit-over-rm2-mln-to-help-women-break-free-from-poverty-says-minister/	THEBORNEOPOST.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	KANAK-KANAK SEMBILAN TAHUN KES TERMUDA LAHIR ANAK LUAR NIKAH	
	https://www.sinarharian.com.my/article/272371/berita/nasional/kanak-kanak-sembilan-tahun-kes-termuda-lahir-anak-luar-nikah	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-sembilan-tahun-kes-termuda-lahir-anak-luar-nikah-431632	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
7	BUNTU SARA KELUARGA SELEPAS KAKI DIPOTONG AKIBAT DIABETES	
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/07/buntu-sara-keluarga-kaki-selepas-dipotong-akibat-diabetes/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	BANTU CUKUPKAN KEPERLUAN QASEH	
	https://www.sinarharian.com.my/article/272349/edisi/pahang/bantu-cukupkan-keperluan-qaseh	SINARHARIAN.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	WANITA BELASAH BEKAS SUAMI SEBAB HUTANG RM87,000	
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/07/wanita-belasah-bekas-suami-sebab-hutang-rm87000/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/wanita-pukul-bekas-suami-tuntut-hutang-rm87000/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1136927/wanita-belasah-bekas-suami-kerana-hutang-ditahan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-belasah-bekas-suami-kerana-hutang-431611	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
10	ISU KESIHATAN MENTAL SELUBUNGI KANAK-KANAK REMAJA PERLU DITANGANI SEBAIKNYA	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/07/isu-kesihatan-mental-selubungi-kanak-kanak-remaja-perlu-ditangani-sebaiknya	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	WARGA EMAS HILANG DI HUTAN KETIKA MEMBURU	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/07/warga-emas-hilang-di-hutan-ketika-memburu	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	KEKASIH SUKA CURI BAJU DALAM	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/08/996396/kekasih-suka-curi-baju-dalam	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
13	[VIDEO] WANITA MENGAMUK DITEGUR PENGAWAL KESELAMATAN	

<https://www.kosmo.com.my/2023/08/07/video-wanita-mengamuk-ditegur-pengawal-keselamatan/>

KOSMO.COM.MY

<https://www.sinarharian.com.my/article/272472/berita/semasa/wanita-disyaki-kurang-siuan-amuk-depan-pasar-roya>

SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	GURU WANITA MAUT, REMPUH TRELER BUAT PUSINGAN U	

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/guru-wanita-maut-rempuh-treler-buat-pusingan-u-431703>

ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
15	BUDAK TIGA TAHUN MAUT DIREMPUH KETIKA MAIN SKUTER	

<https://www.sinarharian.com.my/article/272449/berita/semasa/budak-tiga-tahun-maut-dirempuh-ketika-main-skuter>

SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	BAYI 3 BULAN ALAMI PENDARAHAN MATA, TAK DAPAT GERAKKAN TANGAN DIDERA	


<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/996632/bayi-3-bulan-alami-pendarahan-mata-tak-dapat-gerakkan-tangan-didera>

HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	SEWA KERETA SORONG BAYI MOVON SERENDAH RM60 SEBULAN	

<https://www.kosmo.com.my/2023/08/07/sewa-kereta-sorong-bayi-movon-serendah-rm60-sebulan/>

KOSMO.COM.MY



TAJUK : MEROTAN ALTERNATIF TERAKHIR DISIPLINKAN KANAK-KANAK

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 08 OGOS 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Merotan alternatif terakhir disiplinkan kanak-kanak

Azlina Roszy Mohamad Ghaffar dan Basmin Maarof, Azlina adalah Pakar Psikologi Klinikal manakala Basmin dari IKRAM Malaysia

Di negara ini, merotan kanak-kanak adalah satu budaya yang diterima dalam kalangan masyarakat sehinggakan wujud peribahasa yang menyebut, sayangkan anak tangan-tangankan.

Malah, bukan sedikit pihak yang cuba menggambarkan merotan atau memukul anak adalah sebahagian ajaran yang dituntut dalam agama Islam. Adakah ia benar?

Bagaimana pula dengan isu memukul anak sehingga mereka tercedera mental dan fizikal? Apakah falsafah sebenar yang perlu difahami dalam pendidikan anak menurut ajaran Islam?

Kaedah merotan atau memukul kanak-kanak sebagai langkah mendisiplinkan mereka harus diperjelaskan dan difahami oleh semua anggota masyarakat terutama ibu bapa, penjaga dan warga pendidik.

Pertamanya, semua orang harus sedar bahawa Islam adalah agama yang menitikberatkan nilai kasih sayang. Ia adalah sebahagian akhlak terbaik sesama makhluk. Bersikap kasar dan keras akan menjauhkan orang lain daripada kita. Mereka akan terasa hati, lari, benci dan tidak akan mahu mendengar kata. Kelakuan kasar daripada hati tanpa rasa kasihan lagi bengis bukan ajaran Islam.

Nabi Muhammad SAW adalah insan yang terbaik melayani ahli keluarganya serta bersikap penyayang terhadap kanak-kanak. Baginda pernah bersabda melalui hadis Riwayat Abu Daud; "Suruhlah anak-anakmu bersolat ketika mana mereka berusia tujuh tahun, dan pukullah mereka (sekiranya mereka tidak mengerjakan solat) ketika mereka berusia 10 tahun ..."

Melalui hadis ini, rotan dibenarkan sebagai kaedah mendisiplinkan anak, tetapi bukan sembarangan merotan seperti mana yang menjadi kefahaman masyarakat umum. Sedangkan, hukuman rotan adalah alternatif terakhir hanya selepas cara didikan lain digunakan.

Niat merotan seharusnya bertujuan mendidik jiwa dan bukannya menyakiti secara fizikal. Langkah merotan yang mengakibatkan kecederaan bukan lagi bertujuan untuk mendidik, tetapi sekadar memuaskan nafsu amarah sendiri dan ia ditegah

sama sekali dalam Islam. Ini adalah jenayah terhadap kanak-kanak.

Ibu bapa atau guru perlu dalam keadaan ber tenang dan waras sebelum mengambil tindakan merotan. Jangan sesekali berani memegang rotan sekiranya emosi menguasai diri dan tidak dapat dikawal.

Nabi mengajar melalui hadisnya bahawa pendidikan bukan bertujuan untuk menghukum. Me-

“Kaedah merotan sebagai langkah mendisiplinkan mereka harus diperjelaskan dan difahami oleh semua anggota masyarakat terutama ibu bapa, penjaga dan warga pendidik”



rotan tidak wajar dilakukan pada kesalahan kali pertama. Sebaliknya, sunah yang dituntut Islam adalah menekankan nasihat secara baik, berperingkat-peringkat dan berhikmah secara berterusan sehingga wujud keinsafan.

Peluang memperbaiki kesalahan harus diberikan seperti mana anjuran nabi. Tempoh tiga tahun, iaitu dari usia tujuh hingga 10 tahun adalah tempoh mendidik melalui kata-kata dalam melakukan ibadah solat dan dibuat secara berperingkat.

Anak-anak perlu diajar dan disuruh solat seawal tujuh tahun secara berterusan. Sekiranya anak tidak solat secara sengaja pada usia 10 tahun, hukuman rotan boleh dikenakan.

Kaedah pelaksanaan digaris syariat

Jelas sekali, perbuatan merotan dilakukan hanya selepas beberapa langkah nasihat dan kaedah pelaksanaannya sudah digariskan syariat. Misalnya, jangan merotan di bahagian anggota badan yang sensitif seperti kepala, wajah dan dada.


Ketahuilah, terdapat perbezaan ketara antara mendisiplinkan dan menghukum. Hukuman diberikan khususnya untuk menjadikan kanak-kanak takut melanggar peraturan, manakala disiplin mendidik anak membuat pilihan dan keputusan yang lebih baik pada masa mendatang.

Disiplin memupuk kawalan emosi yang baik pada kanak-kanak seperti belajar menenangkan diri, menyelesaikan masalah, mengendalikan emosi dan perasaan serta bertingkah laku dengan kawalan yang baik.

Hukuman yang berat dan berulang kali kepada kanak-kanak seperti merotan boleh mencetuskan perubahan tingkah laku seperti memupuk kepercayaan, membibitkan perasaan benci pada ibu bapa, menjadi agresif, antisosial dan juga boleh membantutkan perkembangan otak. Ia tidak membantu menyelesaikan masalah.

Berhikmahlah dalam memberi pendidikan. Merotan atau memukul hanyalah sebahagian cerita dan dilaksanakan dengan tertib sesudah kaedah lain tidak berjaya.

Sematkan dalam minda, Islam menitikberatkan kasih sayang dan kelembutan, menolak sebarang kekerasan sekalipun dalam perkara kebaikan, apatah lagi perbuatan yang membawa mudarat.



TAJUK : PELUKIS KECIL BERJIWA BESAR

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 08 OGOS 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Noor Hidayah
Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

KARYA RMI

Pelukis kecil berjiwa besar

Bangi

Usia Nuh Muhammad Arieffahmi baru lima tahun dan kemahiran melukisnya tidak sehebat pelukis lain namun kanak-kanak lelaki ini mempunyai 'jiwa' yang besar yang mana dia menjual hasil lukisannya di tempat awam.

Kisah Nuh mendapat perhatian di Facebook apabila bapanya, Dr Muhammad Arieffahmi Abd Razak, 30-an, memuat naik hantaran dan gambar berkaitan usaha anak sulung daripada tiga beradik itu yang mendapat reaksi positif netizen.

Muhammad Arieffahmi berkata, anaknya itu memberitahu idea untuk menjual lukisannya dan dia membawa Nuh ke Taman Tasik Cempaka di sini untuk menjual karya seni kanak-kanak itu dengan membuka satu meja kecil, Khamis lalu.

Menurutnya, lukisan Nuh bermotifkan buah-buahan, manusia serta haiwan seperti dinasour yang dijual pada harga RM1 sekeping dan mereka menulis nota jualan memaklumkan kanak-kanak itu berusia lima tahun serta menjual hasil lukisannya.

"Tahun lalu, Nuh membuat jualan sama cuma 'gerai' lukisannya dibuka di depan rumah kami. Dalam masa sejam, karyanya habis terjual selepas ahli keluarga datang memberi sokongan kepadanya.



NUH menunjukkan antara koleksi lukisannya yang dijual kepada orang awam.

Ahli perniagaan yang juga pengarah urusan syarikat itu berkata, hari pertama jualan pada Khamis lalu, lapan lukisan dibawa anaknya itu terjual dalam setengah jam.

"Hari kedua iaitu pada Sabtu, kami bawa 15 lukisan namun hanya 10 terjual. Na-

mun Nuh sangat gembira dengan hasilnya.

"Nuh minat melukis, warna dan menulis biarpun dia masih belum mahir menulis sepenuhnya. Ketika ini, dia mula melukis *doodle* dan lukisan abstrak mengikut imajinasinya," katanya.

Muhammad Arieffahmi berkata, dia berterima kasih dan gembira karya amatir anaknya itu mendapat sokongan positif warga Bangi, malah lebih menggembirakannya apabila melihat Nuh mengatasi rasa takut untuk berkomunikasi dengan orang ramai.

Bagaimanapun, katanya, dia tidak memandang usaha itu untuk menjual lukisan semata-mata sebaliknya ia bertujuan untuk membantu kemahiran Nuh dalam berinteraksi, berhadapan dengan khalayak dan menjual 'produknya'.

"Pada mulanya memang dia takut, agak malu, tetapi selepas 10 minit, Nuh sudah mendapat rentak dan kemudiannya semua berjalan lancar. Dia memberanikan diri pergi kepada orang menunjukkan lukisannya dan menjemput mereka ke gerainya," katanya.



NUH ditemani bapanya, Muhammad Arieffahmi menjual hasil lukisannya di taman awam di Bangi.



TAJUK : USAHA BATAL TIGA PERTUDUHAN

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 08 OGOS 2023

M/SURAT : 04

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Usaha **batal** tiga pertuduhan

Inspektor Sheila mahu fail bantahan awal atas alasan pertuduhan dikenakan tidak berasas

Oleh Faris Fuad
am@hmetro.com.my

Selayang

Inspektor Sheila yang isunya tular di media sosial, akan memfailkan bantahan awal berkaitan isu Perlembagaan Persekutuan bagi membatalkan tiga tuduhan termasuk mengugut dan mengaibkan kehormatan seorang anggota polis berpangkat lans koperal.

Peguam, M Manoharan, yang mewakili wanita itu atau nama penuhnya, Sheila Sharon Steven Kumar, 35, berkata, bantahan dibuat atas alasan pertuduhan dikenakan tidak berasas dan remeh.

"Saya nak bangkitkan dua pertuduhan (di hadapan Majistret Chai Guan Hock) dan satu tuduhan (di hadapan Majistret Nor Hafizah Rajuni), sama ada pendakwa ingin mendengar semua kes di mahkamah ini (di depan Guan Hock).

"Saya percaya, pengadu kes di hadapan seorang lagi majistret (Nor Hafizah) akan dipanggil sebagai saksi di hadapan mahkamah (Guan Hock).

"Kami sudah menerima laporan polis kes (hadapan Nor Hafizah), mohon satu lagi tarikh sebutan," katanya ketika sebutan kes di hadapan Guan Hock, semalam.

Sementara itu, Timbalan



INSPEKTOR Sheila (kanan) hadir ke Mahkamah Majistret Selayang untuk sebutan kesnya iaitu dua pertuduhan mengaibkan kehormatan dan satu tuduhan melakukan ugutan jenayah ke atas seorang wanita warga emas.

Pendakwa Raya Anis Farhah Ahmad Hilmi berkata, sebahagian dokumen sudah diserahkan kepada pihak pembelaan Sheila sebelum Guan Hock menetapkan 22 Ogos ini untuk sebutan kes seterusnya.

Ketika prosiding di hadapan Nor Hafizah pula, Timbalan Pendakwa Raya B S Erneetha Kaur memaklumkan perkara sama sebelum majistret terbabit memutuskan tarikh itu untuk penyerahan dokumen.

Sheila berdepan tiga tuduhan mengugut dan mengaibkan kehormatan seorang anggota polis berpangkat lans koperal serta dua orang awam.

Di hadapan Guan Hock, dia didakwa mengugut seorang wanita dengan niat untuk mendatangkan kegawatan kepada mangsa mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara dua tahun, atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sa-

bit kesalahan.

Wanita terbabit juga didakwa menghina kesopanan seorang lelaki mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan yang memperuntuk hukuman maksimum penjara lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Di hadapan Nor Hafizah

pula, Sheila didakwa menyebut pangkat lans koperal dengan cara tidak wajar kepada Lans Koperal Abdul Arif Farhan Abdul Razak dengan maksud mengaibkan kehormatannya.

Semua kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah kedai makan di Jalan SG 1/1, Taman Sri Gombak di sini, masing-masing jam 12 tengah hari dan 1 tengah hari, 15 Jun lalu.

“Ada juga yang mempertikaikan saya sekarang ini ‘pusing-pusing’ tetapi tidak Sheila

Iqbal tahu Inspektor Sheila tidak seperti difikirkan ramai

Selayang: Inspektor Sheila sering dilabel sebagai 'wanita garang' namun dia juga memiliki sisi romantik malah mengesahkan sedang mengenali dengan lebih rapat pempengaruh iaitu Iqbal Zulkefli atau lebih dikenali sebagai Iqbal.

"Apabila saya mula mengenali Iqbal, dia mula memahami Sheila yang sebe-

narnya bukan seperti tanggapan orang lain.

"Itu (yang) sekarang ini, dia (Iqbal) lebih rapat dengan saya, kita (sedang) mengenal sesama sendiri," katanya semalam.

Inspektor Sheila atau nama penuhnya, Sheila Sharon Steven Kumar, 35, berkata demikian ketika ditemui media di Mahkamah

Majistret Selayang di sini, semalam.

Terdahulu, Sheila berdepan tiga tuduhan mengugut dan mengaibkan kehormatan seorang anggota polis berpangkat lans koperal dan dua orang awam.

Menurut Sheila, dia juga menyifatkan dirinya sebagai tegas dalam soal kerja kerana itu yang diterapkan

sepanjang latihan ketika awal pembabit dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM).


"Namun, bila berehat selepas waktu kerja, saya memang 'happy go lucky' (ceria) dan 'fun' (menyeronokkan). Apabila orang menilai saya daripada tayangan video, orang anggap saya perempuan garang dan kurang ajar, tetapi tidak (sebenar-

nya). "Apa yang berlaku, orang tidak lihat lagi, orang kata itu tayangan awal. Apa yang terjadi, apa yang memprovok (membangkitkan kemarahan) saya?"

"Ada juga yang mempertikaikan saya sekarang ini 'pusing-pusing' tetapi tidak, saya ada bukti, cakap dengan bukti," katanya.

Pada masa sama, menurut Sheila, berdasarkan keलयannya, dia boleh bertugas dalam bidang lain di luar negara namun memilih untuk berkhidmat dalam PDRM.

Katanya, dia mahu berkhidmat untuk masyarakat dan gembira kerana dapat bertugas sebagai pegawai penyiasat di Bukit Aman.



TAJUK : WANITA DITAHAN PUKUL BEKAS SUAMI

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 08 OGOS 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Wanita ditahan pukul bekas suami

Ampang Jaya: Seorang wanita ditahan polis kerana memukul bekas suaminya hingga cedera ketika menuntut hutang RM87,000 di Bukit Indah di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, dalam kejadian jam 6.55 petang itu, lelaki berusia 28 tahun itu sedang mengemas rumah sewanya sebelum didatangi wanita berusia 38 tahun itu yang memarahinya berkaitan hutang yang belum dibayar.


Menurutnya, suspek kemudian menumbuk bibir

mangsa dan mengetuk kepalanya dengan hulu pengikis simen serta tendang di bahagian perut.

“Susulan itu, jam 9.45 malam, polis menahan suspek yang bekerja sebagai akauntan di Ampang.

“Suspek dan mangsa baru bercerai pada 11 Julai lalu dan mempunyai seorang anak perempuan berusia setahun tujuh bulan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, pihak polis menjalankan siasatan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan/ Seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga.



TAJUK : LAWYER: CHARGES ARE UNFOUNDED, TRIVIAL

HARI : SELASA

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 08 OGOS 2023

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

'INSPECTOR SHEILA'

Lawyer: Charges are unfounded, trivial

SELAYANG: Inspector Sheila, who held social media captive for a while, is set to file a preliminary objection to dismiss three charges against her, including threatening and tarnishing the reputation of a lance corporal.

Lawyer M. Manoharan, who is representing the police officer, whose full real name is Sheila Sharon Steven Kumar, 35, said the objection was on the grounds that the charges were unfounded and trivial.

"I intend to raise two charges (before magistrate Chai Guan Hock) and one charge (before magistrate Nor Hafizah Rajuni), whether the prosecution wishes to have all cases heard in this court (before Chai).

"I believe the complainant in another case (before Nor Hafizah) will be called as a witness in court (before Chai).

"We have submitted the police report for the case (before Nor Hafizah), and I have requested another mention date," he said during the case mention before Chai yesterday.

Meanwhile, deputy public prosecutor (DPP) Anis Farhah

Ahmad Hilmi said some documents had been handed over to Sheila's defence team before Chai scheduled Aug 22 for the next case mention.

During the proceedings before Nor Hafizah, DPP B.S. Erneetha Kaur relayed the same information before the magistrate decided on that date for document submission.

Sheila faces three charges of threatening and tarnishing the reputation of a lance corporal and two civilians.

Before Chai, she is accused of threatening a woman with the intention to intimidate the victim under Section 506 of the Penal Code.


She is also accused of insulting the modesty of a man under Section 5.09 of the Penal Code

Before Nor Hafizah, Sheila is charged with using improper language towards Lance Corporal Abdul Arif Farhan Abdul Razak, with the intent to defame his honour.

All the offences are alleged to have occurred at a restaurant on Jalan SG 1/1, Taman Sri Gombak, here, between noon and 1pm on June 15.



Inspector Sheila
Sharon Steven Kumar



TAJUK : COPS: NO FOUL PLAY IN CASE OF MAN FOUND DEAD BY WIFE IN HOUSE

HARI : SELASA

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 08 OGOS 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Cops: No foul play in case of man found dead by wife in house

KUCHING: A 44-year-old man was found dead in his house at Taman Moyan Jaya here yesterday.

Padawan police chief Supt Abang Zainal Abidin Abang Ahmad said police were informed of the incident around 8.10am by the deceased's wife after she discovered his body.

"Police have classified the case as sudden death. No evidence of foul play was found at the scene, and there was also no presence of sharp or blunt objects," he said.

He added the victim was pronounced dead at the scene by medical officers, and the body was later sent to Sarawak General Hospital for further action.

Abang Zainal Abidin said according to the deceased's elder brother, he had noticed a change in behaviour following the passing of their mother three months ago.

The deceased, described as a cheerful person, became withdrawn and reserved since

then, he said.

Those who are experiencing depression are advised to speak to a counsellor or contact the Welfare Department's Helpline on 082-514141.

Befrienders Kuching also offers emotional support. Call the Befrienders Kuching hotline on 082-242800 from 6.30pm to 9.30pm daily or email sam@befrienderskch.org.my.

Befrienders is a non-profit organisation that provides emotional support services.



TAJUK : INSP SHEILA TO FILE PRELIMINARY OBJECTIONS TO THREE CHARGES

HARI : SELASA

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 08 OGOS 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Sheila arrives at the court with her legal team. — Bernama photo

Insp Sheila to file preliminary objections to three charges

KUALA LUMPUR: A woman police officer will submit preliminary objections to the three charges she is facing, including criminal intimidation against a police lance corporal.

Lawyer M. Manoharan told reporters that his client Insp Sheila Sharon Steven Kumar, 35, stated this in court during mention of her cases yesterday before Magistrate Chai Guan Hock.

He said they would be filing the objections in relation to constitutional issues, claiming that the charges against her lack basis and are frivolous.

Earlier, deputy public prosecutor Anis Farhah Ahmad Hilmi told the court that the prosecution had handed over

some of the case documents to the defence, except for a video recording.

Sheila is charged with committing criminal intimidation against M. Silverkoomarie, 69, at No. 8, Jalan SG 1/1, Taman Sri Gombak here at noon on June 15 this year.

The charge is framed under Section 506 of the Penal Code, which carries a penalty of up to two years' jail or a fine, or both, on conviction.

She is also accused of intentionally insulting the modesty of P. Taneswaran, 31, by telling him 'look at yourself, fat and bald like a rhinoceros', an offence under Section 509 of the Penal Code which carries a

penalty of up to five years' jail or a fine, or both, on conviction.

Meanwhile, before Magistrate Nur Hafizah Rajuni, deputy public prosecutor Erneetha Kaur Beghwant Singh said the prosecution had also handed over some case documents to the defence.

For this case, Sheila is alleged to have made inappropriate remarks to Lance Kpl Abdul Arif Farhan Abdul Razak regarding the latter's rank, at the same location and date at 1.25pm.

The charge is also framed under Section 509 of the Penal Code.

Both courts fixed Aug 22 this year for mention of the cases. — Bernama



TAJUK :	RETIRED NANNY LOSES OVER RM67,000 TO LOVE SCAM		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	08 OGOS 2023	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Retired nanny loses over RM67,000 to love scam

SIBU: A retired children's nursery caregiver here lost over RM67,000 after falling victim to a love scam.

Sibu police chief ACP Zulkipli Suhalli said the victim, in her 50s, had in mid-2020 befriended an individual on Facebook by the name of 'James Huong' who claimed to be from the United States.

"The suspect claimed to be an architect who had a child. The two of them became close and he

promised her he would come to Sibu to marry her.

"On Oct 27 last year, the suspect asked the woman for money to help pay for his child's school fees, claiming he was working offshore and unable to return to the US.

"She proceeded to transfer RM7,000 to him, which he promised he would pay back," he said in a statement yesterday.

Zulkipli said sometime in

May this year, the suspect said he had transferred US dollars to her account to repay her but when she checked her account, she saw no such transaction.


At this juncture, the suspect informed her that the transaction did not go through due to it needing approval from Bank Negara as it involved foreign currency.

"The suspect told the victim that she needed to make

payments to ensure the smooth transfer of the funds.

"Between May 11 and Aug 4 this year, she transferred a total of RM67,650 to seven bank accounts in 25 transactions, and only realised she had been scammed after being alerted by her niece," he said, adding a police report on the matter was lodged on Aug 5.

The case is being investigated under Section 420 of the Penal Code for cheating.



TAJUK : GAMBLERS LOSE FAMILY TIES

HARI : SELASA

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 08 OGOS 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Gamblers lose family ties

Families disown three after constant harassment from loan sharks

By CHARLES RAMENDRAN
charles.ramen@thestar.com.my

KUALALUMPUR: Three families took the drastic step of disowning their children after being constantly harassed and threatened by loan sharks.

A 50-year-old businesswoman from Ayer Tawar, Perak, who only wanted to be known as Kong, said her 23-year-old son took loans amounting to hundreds of thousands of ringgit and lost it all while gambling online.

Kong said she settled her son's debts amounting to RM500,000 in May last year and advised him to seek employment in Singapore.

However, she started receiving threatening calls from the loan sharks in June this year, while her house, and that of her in-laws, were splashed with red paint two weeks ago.

She said she gave in to further demands by the loan sharks after they threatened to burn down the two homes.

Despite paying over RM21,000, she said the loan sharks demanded an additional RM5,000.

She said her shop was splashed with red paint two days later after she refused to comply.

In a separate case in Johor Baru, a 48-year-old housewife, who did not want to be named, and her family were also harassed by loan sharks for money her 21-year-old son had borrowed to



Families paying the price: Chong addressing the media during a press conference at Wisma MCA, Kuala Lumpur. — YAP CHEE HONG/The Star

feed his gambling addiction.

Her daughter Rico Loh, 27, said her brother often asked family members for money after getting into debt with about 20 loan sharks.

Despite paying RM150,000 to settle the matter, the beautician said her brother borrowed an additional RM70,000 from them shortly afterwards.

In a third case, a 71-year-old retiree who only wanted to be known as Lee, used his Employees Provident Fund (EPF) savings to settle RM500,000 in loans for his 37-year-old son.

The man said his son had taken

the loans from almost 50 loan sharks since 2019 to gamble.

All three families showed up at the MCA Public Services and Complaints Department at Wisma MCA here yesterday to announce that they were disowning the three men.

The department's head Datuk Seri Michael Chong said the families had no choice but to disown the three individuals following constant harassment by loan sharks.

"These are not loan sharks but extortionists.

"They lure people into taking loans by advertising on social


media platforms and only give out a small fraction of the amount sought.

"Later, they demand full payment of the sum and resort to violence to recover payment," he told a press conference.

He added that those harassing the families are usually runners paid RM400 by the loan sharks.

Chong said his department had so far handled about 199 such cases this year, involving a total of RM18.7mil in loans.

Of these cases, he said 53 involved women while 80% of the cases involved those from the Chinese community.



TAJUK :	INSP SHEILA TO FILE PRELIMINARY OBJECTION TO THREE CHARGES		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	08 OGOS 2023	M/SURAT :	12
STONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Insp Sheila to file preliminary objection to three charges

By **NURBAITI HAMDAN**
nurbaiti@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The female inspector who is facing three charges, including insulting the modesty of a police officer, will be filing a preliminary objection to the charges.

Lawyer M. Manoharan, who is representing Insp Sheila Sharon Steven Kumar (*pic*), 35, told the Selayang Sessions Court of his client's intention when the matter was brought up for mention before Magistrate Chai Guan Hock here.

He said the defence would file

the preliminary objection as the charges involved constitutional issues apart from being baseless and frivolous.

Earlier, deputy public prosecutor Anis Farhah Ahmad Hilmi informed the court that the prosecution had handed over parts of the documents related to the case to the defence with the exception of the video recordings of the alleged incidents.

Insp Sheila was accused of intimidating M. Silverkoomarie, 69, at a shoplot in Jalan SG 1/1, Taman Sri Gombak near here at 12 noon on June 15.

The charge under Section 506 of

the Penal Code carries a maximum two-year imprisonment or fine or both, if convicted.

She was also charged with insulting the modesty of one P. Taneswaran, 31, by calling him "fat, bald and looking like a rhinoceros" an hour later at the same location on the same day.

The charge under Section 509 of the Code carries a maximum five-year imprisonment or fine or both, if convicted.

Meanwhile, at a separate Magistrate's Court, deputy public



prosecutor Erneetha Kaur Beghwant Singh informed Magistrate Nur Hafizah Rajuni that the prosecution had handed over parts of the documents in the case to the defence.

At this court, Insp Sheila faces a charge where she allegedly insulted the modesty of L/Kpl Abdul Arif Farhan Abdul Razak by uttering inappropriate words about his police rank at 1.25pm at the same place and date.

For this offence, she was also charged under Section 509 of


the Penal Code.

Both courts have fixed Aug 22 for mention.

Insp Sheila landed in hot water in June when a viral video emerged showing her arguing with other police personnel and civilians.

She was detained by the Gombak police on June 18 and subsequently released on police bail.

It was reported that Bukit Aman Integrity and Standard Compliance Department director Datuk Seri Azri Ahmad had issued a statement saying that Insp Sheila has been suspended from her duties pending legal procedures against her.



TAJUK : WOMAN BEATS UP EX-HUSBAND

HARI : SELASA

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 08 OGOS 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Woman beats up ex-husband

AMPANG: A 38-year-old accountant has been detained for allegedly assaulting her ex-husband at a house in Bukit Indah here over an unpaid debt.

Ampang Jaya OCPD Asst Comm Mohd Azam Ismail said the 28-year-old victim, who was in the midst of moving out, was cleaning a rented house at about 7pm on Sunday when the incident happened.

"The suspect arrived and scolded the ex-husband over an RM87,000 debt.


"She then punched the man on the face before hitting his head with a tool and kicking his stomach," he said in a statement yesterday.

ACP Mohd Azam said the accountant was detained at about 9.45pm on Sunday.

"The victim and the suspect went through a divorce on July 11," he said, adding that they have a baby daughter.

The suspect has been remanded for further investigation, ACP Mohd Azam said.

The case is being investigated under Section 323 of the Penal Code for causing hurt in a domestic violence incident.



TAJUK : INSP SHEILA IN COURT OVER CRIMINAL INTIMIDATION CHARGES

HARI : SELASA

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 08 OGOS 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Insp Sheila in court over criminal intimidation charges

KUALA LUMPUR: Police inspector Sheila Sharon Steven Kumar will submit preliminary objections to three charges she is facing, which include criminal intimidation against a police lance corporal, said her lawyer M. Manoharan during the case mention at the Selayang Magistrate's Court before Magistrate Chai Guan Hock yesterday.

He said the charges against his client lack basis and were frivolous, adding that the objections were related to constitutional issues.

DPP Anis Farhah Ahmad Hilmi earlier said the prosecution had submitted some of the case documents to the defence, except for a video.

Sheila, 35, is charged with committing criminal intimidation against M. Silverkoomarie, 69, at around noon on June 15 at No. 8, Jalan SG 1/1 in Taman Sri Gombak.

The offence, under Section 506 of the Penal Code, carries a penalty of up to two years' jail, a fine, or both. - Bernama



TAJUK : AKAUNTAN DITAHAN TUMBUK BEKAS SUAMI, TUNTUT HUTANG RM87,000

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 08 OGOS 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Akauntan ditahan tumbuk bekas suami, tuntutan hutang RM87,000

KUALA LUMPUR: Gara-gara tidak berpuas hati bekas suaminya mengelak daripada membayar hutang sebanyak RM87,000, seorang wanita bertindak menumbuk dan menendang lelaki itu di sebuah rumah di Bukit Indah, Ampang, Selangor, petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya ACP Mohd Azam Ismail berkata dalam kejadian pada 6.55 petang, wanita berusia 38 tahun yang bekerja sebagai akauntan itu telah pergi ke rumah bekas suaminya yang berusia 28 tahun dan bertindak memarahi mangsa berkaitan hutang berkenaan sebelum menumbuk mulut pengadu.


“Suspek juga telah mengetuk kepala mangsa dengan hulu pengikis simen serta menendang pengadu di bahagian perut. Ketika kejadian mangsa sedang mengemas rumah sewa untuk diserahkan kembali

kepada pemilik rumah,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Berikutan kejadian itu, mangsa yang merupakan seorang peniaga telah membuat laporan polis dan wanita berkenaan ditahan Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Ampang Jaya, pada 9.45 malam, di Ampang.

Katanya siasatan mendapati, pasangan yang mempunyai seorang anak berusia setahun lebih itu telah bercerai pada 11 Julai lalu.

Menurutnya polis mendapatkan perintah reman di Mahkamah Majistret Ampang semalam bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan Seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum setahun atau denda atau sebat atau kedua-duanya. — Bernama



TAJUK : INSPEKTOR SHEILA AKAN KEMUKA BANTAHAN TERHADAP TIGA TUDUHAN

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 08 OGOS 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Inspektor Sheila akan kemuka bantahan terhadap tiga tuduhan



KEMUKA BANTAHAN: Inspektor Sheila ketika hadir ke Mahkamah Majistret Selayang di Kuala Lumpur semalam pada sebutan kesnya iaitu dua pertuduhan mengabaikan kehormatan dan satu tuduhan melakukan ugutan jenayah ke atas seorang wanita warga emas. — Gambar Bernama

KUALALUMPUR: Seorang inspektor wanita dikenali sebagai 'Inspektor Sheila', akan mengemukakan bantahan awal terhadap tiga pertuduhan dihadapinya, termasuk mengabaikan kehormatan seorang anggota polis berpangkat lans koperal.

Peguam M. Manoharan yang mewakili Sheila Sharon Steven Kumar, 35, memaklumkan demikian semasa sebutan kes itu di Mahkamah Majistret Selayang di sini semalam, di hadapan Majistret Chai Guan Hock.

Beliau berkata pihaknya akan memfailkan bantahan awal itu, kerana ia melibatkan isu berkaitan Perlembagaan selain mendakwa

pertuduhan dihadapi anak guamnya tidak berasas dan remeh.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Anis Farhah Ahmad Hilmi memaklumkan kepada mahkamah, pihaknya telah menyerahkan sebahagian dokumen berkaitan kes ini kepada pihak pembelaan kecuali rakaman video.

Sheila didakwa mengugut M. Silverkoomarie, 69, denganniat untuk mendatangkan kegenteran kepada wanita warga emas di No 8, Jalan SG 1/1, Taman Sri Gombak di sini, pada 12 tengah hari, 15 Jun lepas, mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan, yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya,

jika sabit kesalahan.


Pegawai polis wanita itu juga didakwa menghina kesopanan seorang lelaki P. Taneswaran, 31, dengan berkata "you tengok badan you, gemuk, botak dan badak sumbu", di lokasi dan tarikh sama pada 1 tengah hari, mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya.

Sementara itu di hadapan Majistret Nur Hafizah Rajuni, Timbalan Pendakwa Raya Erneetha Kaur Beghwant Singh turut memaklumkan, pihak pendakwaan telah menyerahkan sebahagian dokumen berkaitan kes kepada pihak pembelaan.

Di mahkamah itu, Sheila berdepan pertuduhan menyebut berkenaan pangkat lans koperal dengan cara tidak wajar kepada Lans Koperal Abdul Arif Farhan Abdul Razak, dengan maksud untuk mengabaikan kehormatannya di lokasi dan tarikh sama pada 1.25 tengah hari, mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan.

Kedua-dua mahkamah menetapkan 22 Ogos ini untuk sebutan semula kes.

Ketika ditemui pemberita, Sheila berkata beliau mahu berkhidmat untuk masyarakat sebagai pegawai penyiasat di Bukit Aman, bagi membanteras kejahatan dan kes jenayah. — Bernama



TAJUK : TANGANI ISU KESIHATAN MENTAL KANAK-KANAK DAN REMAJA

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 08 OGOS 2023

M/SURAT : 04

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Tangani isu kesihatan mental kanak-kanak dan remaja

Sebahagian besar belia bergelut dengan isu ini yang bertambah buruk akibat pandemik COVID-19 baru-baru ini

Oleh Agnes Tugong

KUCHING: Isu kesihatan mental yang menyelubungi golongan kanak-kanak dan remaja perlu ditangani dengan sebaiknya.

Datuk Bandar Kuching Selatan Dato Wee Hong Seng berkata, hasil penyelidikan yang dilakukannya mendapati sebahagian besar belia bergelut dengan isu kesihatan mental.

Isu kesihatan mental ini bertambah buruk akibat pandemik COVID-19 yang melanda seluruh negara baru-baru ini.

“Lebih malang, mereka yang bergelut dengan isu kesihatan mental ini masih diselubungi stigma terutama di tempat seperti Sarawak.

“Platform seperti Persidangan Antarabangsa Psiko-

patologi Kanak-Kanak dan Remaja (ICCAP) berfungsi sebagai suar, menerangi jalan ke arah kesedaran kesihatan mental yang lebih baik di kalangan belia kita,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan ICCAP Ke-15 2023 yang berlangsung di salah sebuah hotel terkemuka di sini semalam mewakili Timbalan Premier Sarawak Dato Sri Dr Sim Kui Hian yang juga Menteri Kesihatan Awam, Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak.

Wee turut berterima kasih kepada Profesor Dr Cecilia Essau, pengerusi penganjur ICCAP kerana menganjurkan persidangan ini di Sarawak, di luar London.

Penganjuran persidangan ini katanya, melibatkan peserta serta pakar terkemuka dari 32 negara dalam bidang



UNTUK ALBUM: Wee (tengah) dan Dr Cecilia (dua kiri) merakam kenangan bersama peserta ICCAP Ke-15 2023 di Kuching. — Gambar Rhyzaain Emnor

psikopatologi kanak-kanak dan remaja pastinya dapat

membantu usaha Sarawak menangani dan menguruskan

isu kesihatan mental.

“Ilmu yang dikongsi dan

“Lebih malang, mereka yang bergelut dengan isu kesihatan mental ini masih diselubungi stigma terutama di tempat seperti Sarawak.”

Dato Wee Hong Seng
Datuk Bandar Kuching Selatan


pengetahuan yang diperoleh semasa persidangan ini akan menjadi batu loncatan penting ke arah hari esok yang lebih cerah dan sihat untuk belia kita,” kata Wee.

Sementara itu Dr Cecilia berkata, ini merupakan kali kedua ICCAP diadakan di Kuching, di luar London, United Kingdom selama tiga hari bermula 7 hingga 9 Ogos.

Persidangan ini merangkumi 14 ucapan, satu sesi perkongsian pengalaman, 15 simposium, 10 bengkel per-

sidangan, tiga bengkel kecil, dua sesi poster, 15 sesi kertas terbuka, parti prapertandingan dan malam gala.

“Kami juga akan melancarkan projek penyelidikan kami (Promoting mental health among at-risk adolescents in Malaysia yang dibiayai Kavli Trust) dan buku baharu (Handbook of Child and Adolescent Psychology Treatment Modules: Personalized Care in Behavior and Emotion. New York: Academic Press),” katanya.



TAJUK : WARGA EMAS HILANG DI HUTAN KETIKA MEMBURU

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 08 OGOS 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Warga emas hilang di hutan ketika memburu

RANAU: Seorang lelaki warga emas yang dilaporkan hilang sejak 21 Julai lepas ketika keluar memburu di hutan masih belum ditemui sehingga kini.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Sabah berkata, mangsa berumur 62 tahun dilaporkan keluar di hutan di Kampung Patau dekat sini.

Katanya, bilik kawalan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Ranau menerima panggilan orang hilang dalam hutan dari Ibu Pejabat daerah (IPD) Ranau pada 2 Ogos lepas jam 8.05 pagi.

“Maklumat yang diterima, mangsa dilaporkan keluar ke hutan pada 21 Julai 2023 untuk aktiviti memburu dan tidak kembali ke rumah.

“Pasukan bomba menjalankan operasi di lokasi kejadian dan mendapatkan maklumat lengkap daripada ahli keluarga mangsa,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, hasil perbin-



MISI SUKAR: Pasukan bomba menjalankan operasi SAR di lokasi mangsa dilaporkan keluar memburu.

cangan bersama pihak polis, operasi mencari dan menyelamat (SAR) mangsa ditamatkan

sepuhnya pada jam 8 pagi semalam.

Bagaimanapun katanya, op-

erasi akan disambung semula sekiranya terdapat petunjuk baharu.